

21 OCT 2001

Sabah-Belanjawan

BELANJAWAN SABAH 2002 TUMPUKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KOTA KINABALU, 21 Okt (Bernama) -- Belanjawan Sabah 2002 yang akan dibentangkan pada 1 Nov ini akan memberi tumpuan kepada usaha membangunkan kawasan luar bandar negeri itu.

"Kita akan cuba memberikan belanjawan yang adil dan seimbang untuk kebaikan semua terutama membela nasib rakyat di kawasan luar bandar," kata Menteri Kewangan Negeri Datuk Musa Aman.

Beliau berkata terdapat keperluan untuk memberi perhatian yang lebih kepada kawasan luar bandar kerana ia masih jauh ketinggalan daripada segi pembangunan.

Musa berkata demikian ketika ditanya mengenai tumpuan Belanjawan Negeri Sabah 2002 selepas merasmikan majlis Tilawah Al-Quran Pergerakan Wanita Umno Sabah di Wisma Muis di sini hari ini.

Apabila ditanya sama ada belanjawan negeri kali ini akan mengalami defisit, beliau berkata: "Tunggulah butirannya nanti".

Musa berkata pelbagai faktor akan diambil kira dalam pembentangan belanjawan negeri termasuk peruntukan Belanjawan Negara 2002 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen Jumaat lepas.

"Seperti belanjawan negara, kita juga mahu berusaha merangsang ekonomi negeri, sekaligus menjana pembangunan negeri ini," katanya.

Mengenai pemberian bonus dan kenaikan gaji kakitangan awam negeri seperti yang akan dinikmati oleh kakitangan awam Persekutuan, beliau berkata kerajaan negeri belum memutuskannya.

Katanya beliau akan membincangkan perkara itu dengan Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat sebelum membawanya ke mesyuarat kabinet negeri dalam masa terdekat.

Semasa membentangkan Belanjawan Negara 2002, Dr Mahathir mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji atau minimum RM1,000 yang akan dibayar bulan ini dan bulan depan, dan kenaikan 10 peratus gaji kakitangan awam Persekutuan mulai Januari tahun depan.

-- BERNAMA

NT MAI